

05/12/1997

Deklarasi Hak Asasi Manusia diteliti

KERAJAAN kini sedang meneliti semula kesesuaian Deklarasi Hak Asasi Manusia kepada kemajuan manusia sejagat di peringkat kebangsaan sebelum melaksanakan kajian itu di peringkat serantau dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata jika deklarasi itu didapati masih sesuai dengan pola politik dan ekonomi serta pembangunan manusia masa kini, ia akan terus digunakan.

"Jika tidak, cadangan untuk memperbaiki deklarasi ini harus diterima dan dilaksanakan," katanya kepada soalan Hoo Seong Chang (BN-Kluang).

Dr Leo menjelaskan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya deklarasi itu dikaji berdasarkan keadaan politik dunia dan pelbagai perubahan lain yang sudah berubah di samping keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang meningkat kepada 185 negara.

Tambahan pula, katanya, deklarasi itu sudah hampir 50 tahun digunakan iaitu sejak ia diisytiharkan pada 1948.

Menurutnya, deklarasi itu diterima Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan undian 48 negara setuju, tiada menentang dan lapan berkecuali.

(END)